


RABU  
03 04  
2019

**S 58 MATEMATIK**  
Persamaan Liner dan  
Rumus Algebra

**BH SKOR**  
bhskor@bh.com.my

# BAHANA MEROKOK

➔ Rokok mengandungi lebih 7,000 bahan kimia toksik berbahaya



MEMBIMBING  
KE ARAH  
KEMAHIRAN  
BERFIKIR  
ARAS TINGGI  
(KBAT)



BATUK KRONIK DAN  
BATUK KERING



KANSER LIDAH DAN  
KANSER MULUT



STROK



SERANGAN JANTUNG



PENYAKIT PARU-PARU  
OBSTRUKTIF KRONIK  
(COPD)



MENINGKATKAN RISIKO  
PEROKOK PASIF MENGHIDAP  
PENYAKIT KRONIK

Oleh Faizatul Farhana  
Farush Khan  
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ajian dijalankan Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan pada tahun 2016 merekodkan bahawa 11.7 peratus perokok di negara ini adalah membabitkan golongan remaja dan pelajar yang berumur 10 hingga 19 tahun. Lebih menyedihkan apabila

78.7 peratus daripada golongan itu mula merokok sebelum berusia 14 tahun, manakala 60 peratus berdepan dengan masalah ketagihan.

Pengaruh dan Pakar Perunding Respiratori Institut Perubatan Respiratori (IPR), Dr Nurhayati Mohd Marzuki, berkata dakwaan merokok sebagai salah dan berbahaya untuk kesihatan sebenarnya kelihatan janggal kepada golongan muda apabila mereka mendapati kebanyakan golongan dewasa melakukan perbuatan berkenaan.

538

Layari [www.FullAMark.com.my](http://www.FullAMark.com.my) untuk melanggan bagi mendapatkan lebih banyak soalan SPM

# FORMAL LETTER

Hello everyone! I am going to discuss on Directed Writing: FORMAL LETTER. Business or formal letters are not limited to the business world. You may need to write a formal letter for several reasons:

- (a) To apply for a job
- (b) To enquire about a product
- (c) To complaint about unsatisfactory products or services

## Simple Guidelines

- Formal letters are often used with a much more formal vocabularies and tone
- Use a correct format of a formal letter
- Use all the points prepared in the question

### Format of Formal Letter

1. 12 Block E 7,  
Taman Bukit Indah,  
43300 Seri Kembangan,  
Selangor.

2. General Manager,  
Somy Watch Sdn Bhd,  
14, Jalan Baiduri,  
57000 Kuala Lumpur.

3. 23 January 2019

4. Dear Sir / Madam,

5. Defective Alarm Clock

6. I am Saadiyah bt Omar, writing this letter to complain \_\_\_\_\_  
2. The alarm clock was purchased on \_\_\_\_\_  
3. I really hope \_\_\_\_\_

7. Thank you.  
Yours faithfully,  
**Saadiyah bt Omar**

1. Sender's Address
2. Recipient's Address
3. Date – any form is acceptable
4. Salutation – Dear Sir / Madam
5. Title – should be short and clear, stating the purpose of the letter
6. Body of the letter – content of the letter, each point should be numbered
7. Closing Phrase / Signature – **Yours faithfully, Yours truly and Yours truthfully** only, and signature

## TASK 1

### Letter of Application

You have just sat for your SPM examination and are looking for a part time job. You have come across the advertisement in the local newspaper.

A leading tuition and after-school care centre in Seremban 2 invites applicants for the post of:

#### Teacher Assistant

- Minimum SPM or its equivalent
- Knowledge / Experience of child care is an added advantage
- Able to communicate in English, Mandarin and Bahasa Melayu
- Pleasant personality
- Willing to work long hours

Interested applicants should write in with curriculum vitae, photocopies of relevant documents and recent passport-sized photograph (non-returnable) to:

The Principal  
P.O Box 889  
66, Jalan Camar,  
52300 Seremban,  
Negeri Sembilan

Closing date: 28 February 2019

Below are the notes you have listed to help you write the letter:

- See advertisement in The Daily Earth, 21 January 2019
- Just finished SPM
- Speak fluent English, Mandarin and Bahasa Malaysia
- Distinction in all examination
- Member of Interact Club
- Tutor orphanage children weekly
- Eldest in the family
- Enjoy teaching children
- Friends describe me as amiable
- Get along well with people
- Willing to work long hour
- Available for interview anytime

When writing the letter, you should remember to include the following:

- Address
- Salutation
- Closing phrase
- All the notes given

## Model Answer

41, Jalan Damai,  
Jalan Selasih Idaman,  
51130 Seremban,  
Negeri Sembilan.

The Principal  
PO Box 889  
66, Jalan Camar,  
52300 Seremban,  
Negeri Sembilan

26 January 2019

Dear Sir / Madam,

### Application for the Post of Teacher Assistant

With reference to your advertisement in The Daily Earth, dated 21 January 2019, I would like to apply for the above post.

2. I have just sat for my SPM examination and am looking for a part-time job. I write and speak fluently in English, Mandarin and Bahasa Malaysia. I studied at Sekolah Rendah Chun Ching for six years. My secondary school was SMK King George V, one of the prestigious school in Seremban. As for my school examinations, including my SPM trial examination, I never failed to get distinctions.

3. I was a member of the Interact Club in school. We had a weekly service to Rumah Harapan Sinar, an orphanage, where we tutored the children English, Mathematics and Bahasa Malaysia. We also help them with their homework and school project. As for me, I come from a family of seven. Being the eldest, I have a lot of experience with children. Apart from that, I really enjoy teaching children because they are interesting and fun to work with.

4. Friends have described me as amiable. I get along very well with my friends and am usually the first person to reach out and greet new acquaintances. My teachers used to call me "Mr. Cool" in school. It is because I am the type who rarely gets angry or stress out when faced with problem especially when dealing with children.

5. I am willing to work long hours. I am young and energetic. Moreover, I need to save up for my further education and I think this post really suits me. Enclosed are my curriculum vitae, photocopies of my testimonials, school leaving certificate and a recent passport-sized photograph.

6. I really hope you will consider my application. I am available for an interview at any time convenient for you. Thank you.

Yours faithfully,  
*Akmal Daniel*  
(AKMAL DANIEL)

Sender's Address

Name / Title and  
Address of recipient

Date

Salutation

Topic / Title

Introduction for letter of  
application

points and  
elaboration

Closing

Closing phrase  
Signature  
Full name in  
capital letters

Before you start writing the letter, make sure you do all the usual steps like planning your paragraph and choosing the point you want to elaborate. Well, I will leave you to try completing the letter and I will prepare sample answer next week. Till then be good and enjoy English!

**Bahasa Melayu (Kertas 1)**

**KARANGAN BAHAGIAN A**

**Bahagian A**  
[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kepentingan program NILAM di sekolah. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan-kepentingan program NILAM di sekolah**. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**KEPENTINGAN PROGRAM NILAM**



Memupuk minat membaca



Memberikan pengiktirafan kepada pelajar



Meluaskan ilmu pengetahuan

**Rangka karangan**

<b>Pendahuluan</b>	NILAM ialah Nadi Ilmu Amalan Membaca – program membaca yang telah lama dijalankan di sekolah – masyarakat Malaysia masih kurang membaca – membaca mempunyai kepentingan yang tertentu.
<b>Isi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Memupuk minat membaca – isi masa lapang – pelajar membaca pelbagai buku – fiksiyen atau bukan fiksiyen – elak perkara negatif – jadikan sebagai satu tabiat – lahirkan modal insan berkualiti.</li> <li>(ii) Memberikan pengiktirafan kepada pelajar – pembacaan pelajar direkodkan – Tahap Jauhari untuk bilangan buku yang dibaca – Rakan Pembaca dianugerahkan kepada pelajar yang sudah banyak membaca dan boleh mempengaruhi rakan yang lain – pengiktirafan jadi perangsang kepada pelajar.</li> <li>(iii) Meluaskan ilmu pengetahuan – mengetahui pelbagai bidang ilmu – sains, kesihatan, ekonomi, sejarah dan lain-lain – menambah kosa kata atau istilah baharu – membolehkan pelajar menjawab soalan peperiksaan – mengetahui perkembangan dunia – menguasai bahasa kedua – lahirkan generasi yang kreatif dan berinovasi.</li> </ul>
<b>Penutup</b>	Program NILAM banyak manfaat – pelajar perlu aktif ambil bahagian – lestarian budaya membaca.

**Contoh huraian perenggan isi;**

<b>Isi utama</b>	Memupuk minat membaca
<b>Huraian</b>	Isi masa lapang
<b>Contoh</b>	Pelajar membaca pelbagai buku – fiksiyen atau bukan fiksiyen
<b>Kesan</b>	Elak perkara negatif – jadikan sebagai satu tabiat
<b>Penegasan</b>	Lahirkan modal insan berkualiti

**Contoh karangan;**

Program NILAM sudah lama dijalankan di sekolah-sekolah di negara ini. Program ini merupakan satu usaha murni oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan tujuan untuk meningkatkan amalan membaca dalam kalangan pelajar. NILAM bermaksud Nadi Ilmu Amalan Membaca. Tidak dinafikan bahawa masyarakat Malaysia masih kurang membaca. Mungkin punca utamanya sikap sebilangan masyarakat sendiri yang sibuk dengan hal-hal yang lain. Oleh itu, program NILAM dilaksanakan di sekolah agar membaca pelbagai jenis

bahan bacaan dijadikan sebagai satu aktiviti utama kepada pelajar. Program ini dijalankan atas kepentingan-kepentingan yang tertentu.

Satu daripada kepentingan program NILAM adalah untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar. Pelajar akan dapat mengisi masa lapang yang terluang dengan membaca pelbagai bahan bacaan. Sebagai contoh, pelajar boleh membaca pelbagai bahan fiksiyen seperti novel, cerpen dan drama. Di samping itu, pelajar boleh membaca bahan bukan fiksiyen seperti buku akademik, ensiklopedia, jurnal, majalah dan lain-lain. Pelajar juga boleh membaca risalah, katalog, poster, carta dan lain-lain. Bahan-bahan digital seperti perisian pendidikan, kit pembelajaran dan lain-lain juga termasuk dalam bahan bacaan yang diambil kira dalam program NILAM. Oleh yang demikian, pelajar akan dapat mengelakkan perkara-perkara yang negatif seperti membuang masa di restoran, di pusat beli-belah, bermain permainan video dan sebagainya. Jikalau minat membaca ini terus dipupuk, lama kelamaan minat itu akan menjadi satu tabiat atau kebiasaan kepada pelajar. Natijahnya, minat membaca ini akan dapat melahirkan modal insan yang berkualiti.

Selain itu, program NILAM ini turut memberikan pengiktirafan kepada pelajar yang banyak membaca. Setiap pembacaan pelajar akan direkodkan dalam buku yang disediakan. Bagi pelajar yang sudah membaca lebih seratus buah buku akan diberikan Tahap Jauhari, Manakala satu lagi pengiktirafan yang diberikan ialah Tahap Rakan Pembaca yang dianugerahkan kepada pelajar yang sudah banyak membaca dan boleh mempengaruhi rakan yang lain untuk membaca. Pelajar pasti akan berasa gembira apabila pengiktirafan itu disampaikan dalam perhimpunan yang disaksikan oleh pelajar-pelajar yang lain. Malahan, majlis pengiktirafan ini juga diadakan pada peringkat negeri dan kebangsaan. Sudah pastilah mereka akan berbangga apabila dianggerahkan Tokoh NILAM pada peringkat kebangsaan. Pengiktirafan seperti ini akan menjadi perangsang kepada pelajar untuk terus membaca.

Seterusnya, program NILAM ini dapat meluaskan ilmu pengetahuan para pelajar. Pelajar akan dapat mengetahui pelbagai bidang ilmu pengetahuan melalui pembacaan. Misalnya, pelajar dapat mempelajari ilmu sains, kesihatan, ekonomi, sejarah dan lain-lain. Pembacaan juga dapat menambah kosa kata atau istilah bahan yang berguna kepada pelajar. Di samping itu, amalan membaca membolehkan pelajar menjawab soalan peperiksaan dengan baik kerana mempunyai pengetahuan hasil daripada pembacaan. Pelajar juga dapat menguasai bahasa kedua jika boleh membaca buku selain bahasa ibunda mereka. Membaca merupakan jambatan ilmu. Masyarakat yang berjaya ialah masyarakat yang rajin membaca. Oleh itu, jelaslah bahawa program ini dapat melahirkan generasi yang kreatif dan berinovasi.

Kesimpulannya, program NILAM memberikan banyak manfaat kepada pelajar. Ingatlah akan perubahan seperti katak di bawah tempurung yang masih kekal relevan untuk menunjukkan sikap kita jika tidak rajin membaca. Oleh yang demikian, pelajar mestilah aktif mengambil bahagian dengan mengikuti program ini. Pihak sekolah telah menyediakan ruang yang cukup baik untuk pelajar meningkatkan amalan membaca. Peluang ini haruslah direbut sebaik mungkin kerana ilmu itu lebih berharga daripada emas dan harta. Satu daripada cara untuk mencari ilmu itu adalah dengan membaca. Oleh itu, budaya membaca perlulah dilestarikan dalam kalangan pelajar agar dapat melahirkan generasi muda yang berilmu dan membangunkan negara.

**Latihan**

Rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada faedah mempelajari pelbagai bahasa. Huraikan pendapat anda tentang **faedah-faedah mempelajari pelbagai bahasa**. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**FAEDAH-FAEDAH MEMPELAJARI BANYAK BAHASA**



Berhubung dan berkomunikasi dengan orang lain



Peluang melanjutkan pelajaran



Peluang pekerjaan lebih baik

# PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN

Tajuk ini adalah di bawah bidang Akidah Tingkatan Empat. Perkara-perkara penting berkaitan tajuk di atas ialah;

1. Pengertian iman
2. Keperluan iman dalam kehidupan
3. Perkara yang membatalkan iman

Terdapat tiga bentuk soalan berkaitan tajuk ini iaitu, soalan objektif, mengisi tempat kosong dan soalan subjektif yang terdiri daripada soalan struktur dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.

Catatan ringkas:

Perkara-Perkara yang Membatalkan Iman		
Syirik	<b>Maksud</b>	Menyekutukan Allah dengan sesuatu
	<b>Bahagian</b>	1. Syirik Khafi : Syirik tersembunyi iaitu tidak meletakkan Allah sebagai yang mutlak dalam niat terutama dalam ibadat 2. Syirik Jali : Perlakuan syirik secara jelas dan terang
	<b>Contoh</b>	1. Syirik Khafi : Takbur dan riyak 2. Syirik Jali : Menyembah berhala
Kufur	<b>Maksud</b>	Tidak percaya kepada Allah SWT dan ingkar ajaran Nabi Muhammad SAW
	<b>Bahagian</b>	1. Kufur Hakikat : Menafikan rukun iman dan menolak syariat 2. Kufur Nikmat : Mengingkari Allah SWT sebagai pemberi nikmat
	<b>Contoh</b>	1. Kufur Hakikat : Mempersendakan hukum Allah SWT 2. Kufur Nikmat : Berbelanja untuk maksiat
Riddah	<b>Maksud</b>	Keluar daripada agama Islam
	<b>Akibat</b>	1. Perkahwinan terbatal (fasakh) 2. Haram dikebumikan di perkuburan Islam 3. Haram menerima pusaka daripada waris
Khurafat	<b>Maksud</b>	Perbuatan atau kepercayaan karut yang dianggap sebagai amalan Islam tetapi sebenarnya bertentangan dengan tauhid dan syariat.
	<b>Contoh</b>	1. Mempercayai tangkal dan azimat 2. Membuang ancak
Nifak	<b>Maksud</b>	Berpura-pura melahirkan keimanan kepada Allah SWT sedangkan hatinya tetap kufur
	<b>Kesan</b>	1. Masyarakat akan berpecah belah 2. Melemahkan persaudaraan umat Islam 3. Membantut pembangunan negara

## Latihan

### Bahagian A

1. Pilih pernyataan yang **betul** akibat perbuatan riddah.  
 A Hubungan suami isteri terbatal  
 B Membazir masa, harta dan tenaga  
 C Menghapuskan sikap percaya-mempercayai  
 D Menjadi bongkak dan berani melakukan kezaliman
2. 

I Mepercayai perbuatan karut yang bertentangan dengan konsep tauhid  
 II Meyakini agama lain lebih baik daripada agama Islam  
 III Menganut agama lain selain daripada agama Islam  
 IV Menyembah sesuatu selain daripada Allah SWT

 Antara pernyataan di atas, yang manakah dianggap riddah melalui perbuatan?  
 A I dan II                      C II dan III  
 B III dan IV                    D I dan IV
3. Pilih kenyataan yang **salah** mengenai syirik.  
 A Meyakini kepada sesuatu selain Allah SWT  
 B Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu  
 C Melemahkan keimanan terhadap Allah SWT  
 D Menyamakan Allah SWT dengan sesuatu pada zat dan sifat-Nya
4. 

'Z' berniat hendak meninggalkan agama Islam

 Z telah dianggap murtad secara \_\_\_\_\_  
 A perbuatan                      C perkataan  
 B iktikad                          D amalan
5. Mempercayai bintang dua belas mengikut tarikh lahir adalah sebahagian daripada \_\_\_\_\_  
 A amalan nifak                      C amalan riddah  
 B amalan syirik                      D amalan khurafat
6. 

• Haram dikebumikan di perkuburan Islam  
 • Haram menerima harta pusaka daripada waris beragama Islam

 Pernyataan di atas ialah kesan daripada perbuatan \_\_\_\_\_  
 A sihir                                  C riddah  
 B kufur                                  D khurafat

7. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai kufur hakikat.  
 I Boros membelanjakan harta  
 II Enggan mengeluarkan zakat  
 III Meyakini mengerjakan solat fardu merugikan masa  
 IV Menyatakan berpuasa Ramadan melemahkan ekonomi  
 A I dan II                          C II dan III  
 B I dan IV                          D III dan IV
8. Berikut ialah akibat perbuatan syirik khafi **kecuali**  
 A dibenci masyarakat  
 B sukar menerima pendapat orang lain  
 C iman menjadi batal  
 D hilang kawan dan sahabat
9. 

• Menyembah pokok  
 • Menyembah batu

 Perbuatan di atas ialah contoh \_\_\_\_\_  
 A khurafat                          C syirik khafi  
 B nifak                                  D syirik jali
10. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai syirik.  
 A Menolak hukum Allah SWT  
 B Mempercayai perkara-perkara karut  
 C Berpura-pura beriman kepada Allah SWT  
 D Menyekutukan Allah SWT dengan sebarang makhluk
11. Seorang remaja Islam didapati enggan menunaikan puasa pada bulan Ramadan kerana menganggapnya melemahkan fizikal untuk melakukan aktiviti harian. Remaja tersebut perlu bertaubat kerana dia telah melakukan \_\_\_\_\_  
 A kufur nikmat                      C syirik khafi  
 B kufur hakikat                      D syirik khafi
12. Pilih pernyataan yang **benar** akibat nifak terhadap individu.  
 A Melemahkan iman  
 B Melemahkan perpaduan  
 C Mengganggu ketenteraman  
 D Menghalang pembangunan
13. 

• Bangga diri dan riyak  
 • Menunjuk-nunjuk kehebatan diri

 Pernyataan di atas merujuk kepada contoh \_\_\_\_\_  
 A syirik                                  C riddah  
 B kufur                                  D khurafat

14. 


• Meyakini bahawa alam ini terjadi dengan sendirinya  
 • Menjalani kehidupan secara bebas tanpa panduan syariat

 Pernyataan di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_  
 A syirik                                  C mulhid  
 B murtad                              D kufur nikmat

15. 'X' telah menggunakan wang yang diberi oleh bapanya ke jalan maksiat. Apakah akibat perbuatan X di sisi Allah SWT?  
 A Syirik jali                          C Kufur nikmat  
 B Syirik khafi                        D Kufur hakikat

**Arahan: Soalan 16 hingga soalan 21**  
Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

16. Orang yang tidak percaya kepada Allah SWT dan ingkar ajaran rasul dikenali sebagai \_\_\_\_\_
17. Antara ciri-ciri \_\_\_\_\_ adalah apabila bercakap dia berdusta dan apabila diberi amanah dia khianat.



20. \_\_\_\_\_ sering digunakan untuk memecahbelahkan pasangan suami isteri dan mendatangkan penyakit fizikal atau mental kepada mangsanya.
21. Islam menganjur umatnya rajin bekerja dan mencari kesenangan hidup di dunia kerana kemiskinan boleh membawa kepada \_\_\_\_\_

### Bahagian B

1. Iman ialah anugerah Allah yang tidak ternilai kepada seseorang.  
 (i) Apakah maksud iman?  
 (ii) Jelaskan **dua** ciri orang yang bertambah iman.  
 (iii) Nyatakan **dua** keperluan iman dalam kehidupan manusia.
2. Sayidina Abu Bakar al-Siddiq memerangi golongan murtad sebagai satu langkah untuk mendaulatkan negara Islam.  
 (i) Jelaskan **dua** kesan kepada negara sekiranya perbuatan tersebut tidak dibendung.  
 (ii) Terangkan cara untuk menangani orang yang murtad.  
 (iii) Mengapakah Islam mengenakan hukuman berat kepada pesalah murtad?
3. Setiap orang perlu menjauhi diri daripada perbuatan syirik.  
 (i) Apakah maksud syirik?  
 (ii) Nyatakan bahagian-bahagian syirik berserta dengan contoh.  
 (iii) Jelaskan kesan syirik kepada individu.
4. Kufur terbahagi kepada dua bahagian iaitu kufur hakikat dan kufur nikmat.  
 (i) Nyatakan maksud setiap bahagian kufur tersebut.  
 (ii) Terangkan **dua** faktor yang mendorong berlakunya kufur hakikat.
5. Sihir merupakan perbuatan yang membatalkan iman.  
 (i) Apakah maksud sihir?  
 (ii) Jelaskan akibat mengamalkan perbuatan sihir.  
 (iii) Bagaimanakah cara untuk membendung masyarakat daripada mengamalkan perbuatan sihir?
6. Riddah merupakan perbuatan keji yang membatalkan iman.  
 (i) Apakah maksud riddah?  
 (ii) Jelaskan sebab-sebab yang membawa kepada riddah.
7. Mengapakah perbuatan khurafat masih terdapat dalam kalangan masyarakat Islam?

**Matematik**

**PERSAMAAN LINEAR DAN RUMUS ALGEBRA**

**Persamaan Linear**

Persamaan linear adalah persamaan yang mengandungi satu atau lebih sebutan linear algebra.

Contoh:  $3p + 9 = 21$  dan  $h - 2k = 0$

Jika persamaan linear hanya mempunyai satu anu, maka persamaan ini dikenali sebagai persamaan linear dalam satu anu.

Contoh:  $q - 4 = 11$  dan  $6z = 5u + 2$

Contoh 1;

Diberi bahawa  $3x + 1 = 2(2x - 1)$ , cari nilai  $x$ .

- A -1      B 1      C 2      D 3

Jawapan: D

$$3x + 1 = 2(2x - 1)$$

$$3x + 1 = 4x - 2$$

$$1 + 2 = 4x - 3x$$

$$x = 3$$

Contoh 2;

Diberi bahawa  $6 - \frac{1}{3}h = 3$ , cari nilai  $h$ .

- A -6      B -1      C 2      D 9

Jawapan: D

$$6 - \frac{1}{3}h = 3$$

( $\times 3$ )

$$18 - 1h = 9$$

$$-1h = 9 - 18$$

$$-1h = -9$$

$$h = 9$$

Contoh 3;

Diberi bahawa  $10 - 2(3 - 2p) = 12$ , cari nilai  $p$ .

- A 5      B 4      C 2      D 1

Jawapan: D

$$10 - 2(3 - 2p) = 12$$

$$10 - 6 + 4p = 12$$

$$4p = 12 + 6 - 10$$

$$4p = 8$$

$$p = 2$$

Contoh 4;

Diberi bahawa  $2x - 1 = 11$ , cari nilai  $x$ .

Jawapan:

$$2x - 1 = 11$$

$$2x - 1 + 1 = 11 + 1 \text{ (Tambah 1 pada kedua-dua sisi)}$$

$$2x = 10$$

$$\frac{2x}{2} = \frac{10}{2} \text{ (Bahagi kedua-dua sisi dengan 2)}$$

$$x = 5$$

**Rumus Algebra**

Contoh 1;

Diberi  $p = 3k + 8$ , ungkapkan  $k$  dalam sebutan  $p$ .

Jawapan:  $p = 3k + 8$

$$3k + 8 = p$$

$$3k = p - 8$$

$$k = \frac{p - 8}{3}$$

Contoh 2;

Diberi  $m\sqrt{n} = 5$ , ungkapkan  $n$  dalam sebutan  $m$ .

Jawapan:  $m\sqrt{n} = 5, \sqrt{n} = \frac{5}{m}$

$$n = \frac{25}{m^2}$$

**Latihan 1**

- 1 Given that  $\frac{4}{3}(2k - 1) + (10 - k) = 12$ , find the value of  $k$ .

Diberi bahawa  $\frac{4}{3}(2k - 1) + (10 - k) = 12$ , cari nilai  $k$ .

- A  $-\frac{6}{5}$       C 2  
B  $\frac{2}{5}$       D 5

- 2 Given that  $\frac{3}{2} - 4y = -2(3 - y)$ , find the value of  $y$ .

Diberi bahawa  $\frac{3}{2} - 4y = -2(3 - y)$ , cari nilai  $y$ .

- A -3      C  $\frac{5}{4}$   
B  $\frac{15}{8}$       D  $\frac{9}{10}$

- 3 Given that  $\frac{x-2}{5} = 2x - 1$ , find the value of  $x$ .

Diberi bahawa  $\frac{x-2}{5} = 2x - 1$ , cari nilai  $x$ .

- A  $-\frac{1}{3}$       C 3  
B  $\frac{1}{3}$       D 6

- 4 Given that  $\frac{2(1+3p)}{3} = 3 + p$ , find the value of  $p$ .

Diberi bahawa  $\frac{2(1+3p)}{3} = 3 + p$ , cari nilai  $p$ .

- A  $-\frac{7}{3}$       C  $\frac{7}{5}$   
B  $\frac{7}{3}$       D 4

- 5 Given that  $\frac{5m}{2} = 9 - 2m$ , find the value of  $m$ .

Diberi bahawa  $\frac{5m}{2} = 9 - 2m$ , cari nilai  $m$ .

- A 2      C 6  
B 3      D 7.5

- 6 Given that  $4k - 3 = 6(2 - k)$ , find the value of  $k$ .

Diberi bahawa  $4k - 3 = 6(2 - k)$ , cari nilai  $k$ .

- A -3      C  $\frac{3}{2}$   
B  $-\frac{1}{2}$       D  $\frac{15}{2}$

**Latihan 2**

- 1 Given  $8 = p^2 - pq$ , express  $q$  in terms of  $p$ .

Diberi  $8 = p^2 - pq$ , ungkapkan  $q$  dalam sebutan  $p$ .

- A  $q = p(p^2 - 8)$       C  $q = \frac{p^2 - 8}{p}$   
B  $q = p(8 - p^2)$       D  $q = \frac{8 - p^2}{p}$

- 2 Given  $k = \frac{4+m}{4-m}$ , then  $m =$

Diberi  $k = \frac{4+m}{4-m}$ , maka  $m =$

- A  $\frac{4k-4}{1+k}$       C  $\frac{k-1}{1+k}$   
B  $\frac{4k+4}{1-k}$       D  $\frac{k+1}{1-k}$

- 3 Given  $g(h+1) - 3h = 5g$ , express  $h$  in terms of  $g$ .

Diberi  $g(h+1) - 3h = 5g$ , ungkapkan  $h$  dalam sebutan  $g$ .

- A  $h = \frac{1-4g}{2}$       C  $h = \frac{6g}{g-3}$   
B  $h = \frac{1-5g}{3-g}$       D  $h = \frac{4g}{g-3}$

- 4 Given  $1 + w = \frac{5-2p}{2}$ , express  $p$  in terms of  $w$ .

Diberi  $1 + w = \frac{5-2p}{2}$ , ungkapkan  $p$  dalam sebutan  $w$ .

- A  $p = \frac{3-2w}{2}$       C  $p = \frac{7-w}{2}$   
B  $p = \frac{3-w}{2}$       D  $p = \frac{5-4w}{2}$

- 5 Given that  $\frac{8m-2n}{3} = mn + n$ , express  $m$  in terms of  $n$ .

Diberi  $\frac{8m-2n}{3} = mn + n$ , ungkapkan  $m$  dalam sebutan  $n$ .

- A  $m = \frac{n}{8-3n}$       C  $m = \frac{5n}{3n-8}$   
B  $m = \frac{n}{3n-8}$       D  $m = \frac{5n}{8-3n}$

- 6 Given that  $y = \frac{w}{1+w}$ , express  $w$  in terms of  $y$ .

Diberi  $y = \frac{w}{1+w}$ , ungkapkan  $w$  dalam sebutan  $y$ .

- A  $w = \frac{y}{1-y}$       C  $w = \frac{1-y}{y}$   
B  $w = \frac{y}{1+y}$       D  $w = \frac{1+y}{y}$

- 7 Given that  $\frac{2t}{\sqrt{n-1}} = 3$ , then  $n =$

Diberi  $\frac{2t}{\sqrt{n-1}} = 3$ , maka  $n =$

- A  $36t^2 - 1$       C  $\left(\frac{2t}{3}\right)^2 - 1$   
B  $(6t + 1)^2$       D  $\left(\frac{2t}{3} + 1\right)^2$

- 8 Given that  $\frac{p}{3} = \frac{5p-1}{\sqrt{n}}$ , then  $n =$

Diberi  $\frac{p}{3} = \frac{5p-1}{\sqrt{n}}$ , maka  $n =$

- A  $\frac{3(5p-1)^2}{p}$       C  $9\left(\frac{5p-1}{p}\right)$   
B  $\frac{3(5p^2-1)}{p^2}$       D  $9\left(\frac{5p-1}{p}\right)^2$

- 9 Given that  $k - (m + 2) = 3m$ , express  $m$  in terms of  $k$ .

Diberi  $k - (m + 2) = 3m$ , ungkapkan  $m$  dalam sebutan  $k$ .

- A  $m = \frac{k-2}{2}$       C  $m = \frac{k-2}{4}$   
B  $m = \frac{k+2}{2}$       D  $m = \frac{k+2}{4}$

- 10 Given that  $3\sqrt{p} + m^2 = 6$ , express  $p$  in terms of  $m$ .

Diberi  $3\sqrt{p} + m^2 = 6$ , ungkapkan  $p$  dalam sebutan  $m$ .

- A  $\frac{(6+m^2)^2}{3}$       C  $3(6-m^2)^2$   
B  $(2-m^2)^2$       D  $\left(\frac{6-m^2}{3}\right)^2$

- 11 Given that  $\frac{x}{x+3} = \frac{5}{y}$ , express  $x$  in terms of  $y$ .

Diberi  $\frac{x}{x+3} = \frac{5}{y}$ , ungkapkan  $x$  dalam sebutan  $y$ .

- A  $\frac{15}{y-5}$       C  $15(y-5)$   
B  $\frac{15}{5-y}$       D  $5(3+y)$

# PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA

## Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

Tajuk	Perincian
<p><b>Suruhanjaya Reid</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Suruhanjaya bebas</li> <li>• Mengkaji perlembagaan</li> <li>• Merangka perlembagaan</li> <li>• Isu dan Panduan                     <ul style="list-style-type: none"> <li>o Kerajaan persekutuan</li> <li>o Kuasa autonomi negeri</li> <li>o Raja-Raja Melayu</li> <li>o Hak istimewa Melayu</li> <li>o Bangsa PTM</li> </ul> </li> <li>• 131 memorandum</li> <li>• Diterima dan disahkan</li> <li>• Perlembagaan kemerdekaan 1957</li> </ul> <p><b>Bukti wujud Pakatan Murni</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Isu kerakyatan <i>jus soli</i></li> <li>• Tidak diterima Melayu</li> <li>• Raja-Raja Melayu terima atas dasar toleransi</li> <li>• Kedudukan istimewa dan syarat lain diterima bukan Melayu</li> <li>• Ditandatangani 1957</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dalam rundingan kemerdekaan, sebuah suruhanjaya bebas telah dibentuk untuk mengkaji perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.</li> <li>2. Suruhanjaya yang bertanggungjawab merangka Perlembagaan ini dikenali sebagai Suruhanjaya Reid.</li> <li>3. Suruhanjaya Reid berperanan membincangkan dan merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.</li> <li>4. Suruhanjaya Reid dianggotai oleh:                     <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Lord Reid - Hakim British</li> <li>(b) Sir Ivor Jennings - England</li> <li>(c) Sir William McKell - Bekas Gabenor General</li> <li>(d) Tuan B. Malik - Hakim Mahkamah Tinggi India</li> <li>(e) Tuan Abdul Hamid - Pakistan</li> </ol> </li> <li>5. Tugas mereka ialah merangka perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.</li> <li>6. Isu-isu yang menjadi panduan ialah:                     <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Membentuk kerajaan Persekutuan yang kuat</li> <li>(b) Kerajaan negeri mempunyai kuasa autonomi dalam bidang-bidang tertentu</li> <li>(c) Kedudukan Raja-Raja Melayu</li> <li>(d) Hak istimewa orang Melayu</li> <li>(e) Perwujudan bangsa Persekutuan Tanah Melayu</li> </ol> </li> <li>7. Suruhanjaya Reid telah menerima 131 memorandum daripada pelbagai pihak. Antaranya:                     <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Raja-Raja Melayu</li> <li>(b) Orang perseorangan</li> <li>(c) Pertubuhan politik</li> <li>(d) Kerajaan Parti Perikatan</li> </ol> </li> <li>8. Cadangan Suruhanjaya Reid telah diterima oleh Parlimen British dan disahkan oleh Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu.</li> <li>9. Hal ini menandakan permulaan perlembagaan kemerdekaan 1957.</li> <li>10. Bukti kewujudan Pakatan Murni dapat dilihat dalam isu kerakyatan berasaskan prinsip <i>jus soli</i> yang dituntut oleh orang dagang. Tuntutan ini tidak dapat diterima oleh orang Melayu.</li> <li>11. Orang Melayu tidak mahu menerima tuntutan ini kerana menurut prinsip <i>jus soli</i>, semua kaum mendapatkan hak sama rata dan akan melemahkan kedudukan orang Melayu.</li> <li>12. Namun demikian, atas dasar tolak ansur, Raja-Raja Melayu menerima kerakyatan <i>jus soli</i> dengan syarat kedudukan istimewa orang Melayu yang termaktub dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu diterima oleh orang bukan Melayu.</li> <li>13. Selain itu, agama Islam diterima sebagai agama rasmi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan turut dipersetujui. Oleh itu, jelas membuktikan kewujudan pakatan murni antara kaum.</li> <li>14. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British.</li> <li>15. Perjanjian ini melahirkan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang berasaskan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.</li> </ol>
<p><b>Isi-Isi Penting Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Persekutuan</li> <li>• Pembahagian kuasa</li> <li>• Raja Berperlembagaan</li> <li>• Perihal kerakyatan</li> <li>• Prinsip <i>jus soli</i></li> <li>• Kedudukan istimewa</li> <li>• Agama Islam</li> <li>• Bahasa Melayu</li> <li>• Yang di-Pertuan Agong</li> <li>• Demokrasi berparlimen</li> <li>• Parlimen</li> <li>• Dewan Undangan Negeri</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah ditandatangani secara rasmi pada 15 Ogos 1957.</li> <li>2. Perkara-perkara penting yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957:                     <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) Pembentukan kerajaan Persekutuan</li> <li>(b) Pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.</li> <li>(c) Pelaksanaan institusi Raja Berperlembagaan pada peringkat negeri dan pusat.</li> <li>(d) Tiga jenis kerakyatan iaitu:                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuat kuasa undang-undang</li> <li>• Permohonan</li> <li>• Naturalisasi</li> </ul> </li> <li>(e) Prinsip <i>jus soli</i> diterima.</li> <li>(f) Kedudukan istimewa orang Melayu dilindungi.</li> <li>(g) Agama Islam sebagai agama rasmi.</li> <li>(h) Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.</li> <li>(i) Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara</li> <li>(j) Pemerintahan berasaskan demokrasi berparlimen.</li> <li>(k) Parlimen terdiri daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara.</li> <li>(l) Menteri Besar menguasai pentadbiran negeri dan dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO</li> </ol> </li> <li>3. Prinsip-prinsip dalam perlembagaan ini adalah kesinambungan kepada pembinaan bangsa dan negara yang lebih kukuh dan sistematis.</li> <li>4. Gabungan unsur-unsur Kesultanan Melayu Melaka dan birokrasi Barat dilihat mampu membentuk identiti negara dan bangsa Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.</li> <li>5. Pada 23 Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman selaku pemimpin Parti Perikatan telah membentuk kabinet Tanah Melayu yang pertama selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.</li> </ol>
<p><b>Kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan demokrasi dibentuk</li> <li>• Perpaduan kaum</li> <li>• Hak mutlak rakyat dan pemimpin</li> <li>• Wujudkan identiti bangsa</li> <li>• Tanpa pertumpahan darah</li> <li>• Negara merdeka</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hasil daripada persetujuan dalam Pakatan Murni, sebuah kerajaan demokrasi yang berasaskan Raja Berperlembagaan telah berjaya dibentuk.</li> <li>2. Perjanjian ini juga telah mewujudkan perpaduan antara kaum yang lebih utuh dan mewujudkan suasana yang lebih harmoni.</li> <li>3. Perjanjian ini telah memberikan hak mutlak kepada rakyat dan pemimpin tempatan untuk mentadbir negara yang berdaulat ini mengikut acuan dan hala tuju mereka sendiri.</li> <li>4. Hasil rundingan dan sikap tolak ansur semua kaum telah berjaya mewujudkan identiti bangsa yang merdeka.</li> <li>5. Hasil kebijaksanaan para pemimpin negara merundingkan kemerdekaan dan menyelesaikan isu-isu yang sensitif tanpa pertumpahan darah berjaya merealisasikan negara mencapai kemerdekaan.</li> </ol>

### Latihan

#### Kertas 1

1 Maklumat berikut berkaitan cadangan Sir Henry Gurney dalam satu sistem yang ingin dilaksanakan di Tanah Melayu.

- Kenya
- Rhodesia

Apakah sistem yang diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1950?

- A Sistem Ahli
- B Sistem Beraja
- C Sistem Parlimen
- D Sistem Demokrasi

2 Rajah 1 berkaitan dengan tokoh-tokoh yang terlibat dalam rundingan di King's House, Kuala Lumpur dengan Sir Henry Gurney pada bulan Julai 1950.

Dato' Onn Ja'afar	Wakil Melayu
Dr. Lee Tiang Keng	Wakil Cina
Dato' E.C. Thuraisingam	Wakil India

Rajah 1

Apakah tujuan rundingan tersebut?

- A Membincangkan kemerdekaan
- B Membincangkan masalah perpaduan
- C Membincangkan pilihan raya umum
- D Membincangkan pelaksanaan sistem Ahli

3 Rajah 2 berkaitan dengan Sistem Ahli.

Sistem Ahli Dilaksanakan dari bulan Januari 1951 hingga bulan Jun 1955

Rajah 2

Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan Sistem Ahli?

- I Kabinet bayangan
  - II Anggotanya dipanggil ahli
  - III Ahli dilantik oleh Ratu Britain
  - IV Terdiri daripada tujuh orang anggota
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                     D III dan IV

4 Rajah 3 berkaitan dengan idea Dato' Onn Ja'afar.



Rajah 3

Apakah matlamat utama Sistem Ahli?

- A Menuntut kemerdekaan
- B Mengukuhkan pertahanan
- C Menyelaraskan sistem pentadbiran
- D Melatih penduduk tempatan mentadbir

#### Kertas 2

1 Sistem Ahli merupakan satu sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain untuk menerajui pentadbiran Tanah Melayu.

(a) Siapakah yang telah memperkenalkan idea penubuhannya? [1 markah]

(b) Berikan **dua** tujuan penubuhan sistem Ahli.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_ [2 markah]

(c) Jelaskan portfolio yang terdapat dalam sistem Ahli. [3 markah]

(d) Senaraikan ciri-ciri sistem Ahli. [4 markah]

2 Suruhanjaya Reid dibentuk pada bulan Mac 1956 bagi membincangkan dan menyusun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

(a) Nyatakan isu-isu yang menjadi tumpuan Suruhanjaya Reid. [4 markah]

(b) Jelaskan kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [4 markah]

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah perlembagaan perlu dibentuk sebelum pembentukan sesebuah negara? [6 markah]

(d) Pada pendapat anda, mengapakah perlembagaan negara perlu dipertahankan? [6 markah]

3 Raja-Raja Melayu telah menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 pada 15 Ogos 1957. Seterusnya, Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

(a) Nyatakan isi-isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [4 markah]

(b) Mengapakah perjanjian tersebut penting dalam sejarah pembinaan negara dan bangsa Malaysia? [4 markah]

(c) Jelaskan iktibar di sebalik kejayaan penandatanganan perjanjian tersebut. [6 markah]

Jawapan

Bahasa Melayu

Rangka jawapan

Pendahuluan	Bahasa merupakan alat yang digunakan untuk berhubung – menguasai pelbagai bahasa merupakan satu kelebihan – ada sekolah yang tawarkan pelbagai bahasa antarabangsa – banyak faedah jika kuasai pelbagai bahasa.
Isi 1	Mudah untuk berhubung atau berkomunikasi dengan orang lain – lebih yakin untuk bersemuka – berani keluaran pendapat – membantu orang lain atau pelancong – dapat elakkan prasangka – akan dihormati – tingkatkan kemahiran sosial seseorang.
Isi 2	Mudah untuk melanjutkan pelajaran – boleh belajar di dalam atau di luar negara – mempunyai peluang untuk memilih pelbagai jurusan – dapat menguasai pelbagai ilmu baharu – memudahkan seseorang mendapatkan maklumat dalam bahasa asal – mudahkan pergaulan dengan pelajar asing – mudah untuk memahami budaya dan gaya hidup sesuatu masyarakat yang ditemui.
Isi 3	Mudah perolehi pekerjaan lebih baik – pertimbangan utama majikan dalam memilih pekerja berkualiti – mampu menarik pendapatan – memudahkan urusan – boleh bekerja di luar negara – pendapatan lebih baik – jadi pilihan utama dalam kebanyakan pekerjaan.
Penutup	Masyarakat khususnya pelajar perlu kuasai pelbagai bahasa – banyak kelebihan jika kuasai pelbagai bahasa – semua pihak perlu berikn sokongan – galakkan pelajar kuasai pelbagai bahasa sejak dari alam persekolahan – beri nilai tambah kepada pelajar – generasi dapat bersaing pada peringkat global.

Matematik

Latihan 1

1 C    2 C    3 B    4 B    5 A    6 C

Latihan 2

1 C    2 A    3 D    4 A    5 D    6 A  
7 D    8 D    9 C    10 D    11 A

Sejarah

Kertas 1

1 A    2 D    3 A    4 D

Kertas 2

- 1 (a) • Dato' Onn Ja'afar
- (b) • Melatih penduduk tempatan dalam pentadbiran  
• Melatih orang tempatan ke arah berkerjaan sendiri  
• Menyatupadukan kaum di Tanah Melayu
- (c) • Ahli dalam Negeri (Dato' Onn Ja'afar)  
• Ahli Kesihatan (Dr. Lee Tiang Keng)  
• Ahli Pelajaran (Dato' E.E.C. Thuraisingham)
- (d) • Sistem kabinet bayangan terdiri daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat  
• Anggota dikenali sebagai 'Ahli'  
• Dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu  
• Keanggotaan seramai 9 orang  
• Kedudukan Ahli di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British
- 2 (a) • Pembentukan sebuah kerajaan persekutuan yang kuat  
• Pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu  
• Kedudukan Raja-Raja Melayu  
• Hak Istimewa orang Melayu  
• Pengwujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu  
• Kerakyatan *jus soli*
- (b) • Pembentukan sebuah kerajaan Persekutuan  
• Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri  
• Institusi Raja dijadikan Raja Berperlembagaan pada peringkat negeri dan negara  
• Tiga jenis kerakyatan diwujudkan iaitu secara Kuat Kuasa Undang-Undang, Permohonan dan Naturalisasi  
• Prinsip *jus soli* diterima  
• Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan  
• Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan  
• Tanah Simpanan Melayu dikekalkan  
• Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan  
• Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara  
• Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa Parlimen  
• Pada peringkat negeri, Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran dan beliau dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO

- (c) • Sebagai sumber perundangan tertinggi negara  
• Untuk menentukan rangka, bentuk kerajaan dan pentadbiran  
• Sebagai panduan kepada pemimpin semasa menjalankan pemerintahan  
• Untuk membantu dan menjamin kecekapan, kejujuran, keadilan dan ketelusan serta kelicinan pentadbiran  
• Untuk memastikan hak rakyat terpelihara  
• Untuk menjamin hak asasi dan kebebasan rakyat  
• Untuk memberi keadilan sosial kepada rakyat  
• Untuk menjamin kesetiaan rakyat kepada negara  
• Sebagai rujukan untuk menggubal undang-undang
- (d) • Untuk menjamin keamanan negara  
• Untuk memelihara keselamatan, ketenteraman dan keharmonian rakyat  
• Untuk memastikan pentadbiran negara berjalan lancar  
• Sebagai rujukan kepada pemimpin untuk mentadbir negara  
• Untuk melindungi kepentingan rakyat  
• Untuk memastikan hak asasi dan kebebasan rakyat terpelihara  
• Untuk menjamin hak-hak istimewa kaum bumiputera dan peribumi  
• Untuk memupuk taat setia rakyat kepada pemimpin dan negara  
• Untuk memastikan kemakmuran negara berterusan

- 3 (a) • Pembentukan sebuah kerajaan Persekutuan  
• Pemisahan kuasa Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri  
• Pembentukan Senarai Persekutuan, Senarai Negeri, Senarai Bersama  
• Pembentukan sistem Raja Berperlembagaan  
• Tiga jenis kerakyatan diwujudkan  
• Prinsip *jus soli* diterima  
• Kedudukan istimewa orang Melayu kekal  
• Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan  
• Tanah Simpanan Melayu dikekalkan  
• Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara  
• Kerajaan demokrasi berparlimen dilaksanakan  
• Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa Parlimen  
• Menteri Besar mengetuai pentadbiran negeri  
• Dewan Undangan Negeri dan EXCO membantu Menteri Besar

- 3 (b) • Negara bebas daripada penjajah  
• Konsep Raja Berperlembagaan diamalkan  
• Institusi Raja diktraf  
• Perpaduan antara kaum  
• Membina kehidupan harmoni  
• Membina identiti bangsa yang merdeka  
• Hak rakyat terjamin dalam perlembagaan Negara Persekutuan diwujudkan  
• Negeri-Negeri Melayu dikekalkan  
• Konsep pemisahan kuasa diamalkan  
• Kuasa tertentu negeri dikekalkan  
• Hak istimewa orang Melayu / Bumiputera dikekalkan  
• Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan  
• Yang di-Pertuan Agong diktraf sebagai pelindung  
• Tanah Melayu menjadi negara berdaulat
- (c) • Kebijaksanaan pemimpin  
• Mempertahankan hak bangsa  
• Sikap bekerjasama semua kaum  
• Kejayaan dapat dikongsi bersama-sama  
• Kesepakatan dalam tindakan  
• Mengutamakan maulamat perjuangan  
• Kesetiaan kepada pemimpin negara  
• Membina kekuatan dalam perjuangan  
• Hak rakyat yang mesti dipertahankan  
• Perancangan yang berkesan  
• Menetapkan wawasan  
• Menentukan hala tuju perjuangan  
• Mengekalkan kehormatan diri

Pendidikan Islam

Bahagian A

1 A    6 C    11 B  
2 B    7 D    12 A  
3 C    8 C    13 A  
4 B    9 D    14 C  
5 D    10 D    15 C

- 16 Kafir / kufur  
17 Munaqif  
18 Mengawasi tempat yang dianggap keramat  
19 Mengenakan hukuman  
20 Sihir  
21 Kekufuran

Bahagian B

No. 1.

- (i) Maksud iman ialah percaya, iaitu berikrar dengan lillah, membenarkan dengan hati dan mengamalkan dengan anggota segala syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW
- (ii) Dua ciri orang yang bertambah iman,  
1. Sentiasa mendalami ilmu berkaitan agama Islam  
2. Berterusan melaksanakan ibadat wajib dan sunat

3. Memperbanyakkan zikir, selawat dan membaca al-Quran
- (iii) Dua keperluan iman dalam kehidupan manusia;  
1. Dapat membentuk insan yang bertanggungjawab dan amanah  
2. Melahirkan generasi berakhlak dan berdisiplin  
3. Memupuk jiwa agar sentiasa cekal menghadapi kepayahan hidup

No. 2

- (f) Dua kesan kepada negara sekiranya perbuatan tersebut tidak dibendung;  
1. Negara Islam akan dipandang rendah kerana rakyatnya tidak menghormati perundangan Islam  
2. Keselamatan negara akan terganggu kerana rakyat berpecah belah
- (ii) Cara untuk menangani orang yang murtad;  
1. Memberi nasihat supaya bertaubat  
2. Memberi perlindungan sekiranya dia seorang muallaf  
3. Sekiranya enggan bertaubat, dikenakan hukuman bunuh
- (iii) Islam mengenakan hukuman berat kepada pesalah murtad kerana;  
1. Memberi peringatan bahawa agama Islam tidak boleh dipersendakan. Perbuatan tersebut akan mencemarkan kemuliaan Islam.

No. 3.

- (i) Maksud syirik ialah menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan perbuatan-Nya
- (ii) Bahagian syirik dan contoh;

	Bahagian Syirik	Contoh
1	Syirik Jali	Menyembah berhala
2	Syirik Khafi	Riyak

- (iii) Kesan syirik kepada individu;  
1. Batal iman  
2. Berdosa besar  
3. Dibenci oleh masyarakat

No. 4.

- (i) Kufur terbahagi kepada dua bahagian iaitu;

	Bahagian Kufur	Maksud
1.	Kufur hakikat	Ingkar atau menafikan rukun iman dan menolak syariat Islam
2.	Kufur nikmat	Mengingkari Allah sebagai pemberi rezeki dan nikmat

- (ii) Dua faktor yang mendorong berlakunya kufur hakikat;  
1. Pegangan agama yang lemah sehingga tidak dapat membezakan antara perbuatan yang membawa dosa atau pahala  
2. Dipengaruhi oleh hawa nafsu yang mementingkan kebebasan dan kemewahan hidup

No. 5.

- (i) Sihir ialah ilmu yang berkaitan perbuatan secara halus melalui pertolongan syaitan atau jin untuk memudaratkan orang lain.
- (ii) Akibat mengamalkan perbuatan sihir;  
1. Merosakkan akidah dan membatalkan iman  
2. Memecahbelahkan masyarakat  
3. Hilang pergantungan kepada Allah kerana meminta pertolongan syaitan
- (iii) Cara untuk membendung masyarakat daripada mengamalkan perbuatan sihir;  
1. Menggiatkan usaha dakwah untuk menjelaskan keburukan sihir  
2. Menegakan hukuman berat kepada pengamal ilmu sihir  
3. Memberi kesedaran kepada ahli masyarakat yang masih mengamalkan sihir

No. 6

- (i) Maksud riddah ialah berpaling atau keluar daripada agama Islam.
- (ii) Sebab-sebab yang membawa kepada riddah;  
1. Jahil tentang perundangan Islam  
2. Terperdaya dengan tawaran kebendaan  
3. Kurang pendidikan untuk memahami Islam  
4. Tidak mendapat bimbingan secukupnya selepas menganut Islam

No. 7

- (i) Perbuatan khurafat masih terdapat dalam kalangan masyarakat Islam kerana;  
1. Pengetahuan tentang agama amat kurang sehingga sukar membezakan amalan Islam dan khurafat  
2. Terpengaruh dengan segelintir ahli masyarakat yang biasa mengamalkan amalan khurafat  
3. Kurang kesedaran dalam kalangan ahli masyarakat membantaras amalan khurafat  
4. Ingin mencari jalan mudah untuk menjadi kaya dan tersohor  
5. Amalan turun-temurun yang sukar ditinggalkan